



NEGERI TERENGGANU

TAMBAHAN PERUNDANGAN

AKTA KERAJAAN TEMPATAN [AKTA 171]

Tr. P.U. 5/97

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN ANJING MAJLIS DAERAH KEMAMAN 1996

Tarikh penyiaran :

13 Mac 1997

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Mukadimah.

- | | |
|-------------------------|---|
| Undang-undang Kecil 1. | Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa. |
| Undang-undang Kecil 2. | Tafsiran. |
| Undang-undang Kecil 3. | Kehendak pelesenan. |
| Undang-undang Kecil 4. | Anjing-anjing bahaya dilarang. |
| Undang-undang Kecil 5. | Prosedur pelesenan. |
| Undang-undang Kecil 6. | Penukar pemunyaan anjing yang berlesen. |
| Undang-undang Kecil 7. | Kehilangan lencana logam. |
| Undang-undang Kecil 8. | Memakai kolar anjing dan lencana logam. |
| Undang-undang Kecil 9. | Kewajipan pemunya. |
| Undang-undang Kecil 10. | Pembinasaan. |
| Undang-undang Kecil 11. | Bilangan anjing yang dibenarkan. |
| Undang-undang Kecil 12. | Pelesenan tempat di mana anjing disimpan bagi maksud perdagangan. |
| Undang-undang Kecil 13. | Penalti. |

Mukadimah.

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan, 1976 [Akta 171], Majlis Daerah Kemaman membuat dan menurut Seksyen 103 Akta tersebut, Pihak berkuasa Negeri Terengganu dengan ini mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

Undang-undang Kecil 1. Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.

(1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang Kecil Perlesenan Anjing (Majlis Daerah Kemaman) 1996.**

(2) Undang-undang kecil ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam **Warta.**

Undang-undang Kecil 2. Tafsiran.

Dalam Undang-undang kecil ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain-

"Majlis" ertinya Majlis Daerah Kemaman;

"lencana logam" ertinya lencana logam seperti yang tersebut dalam undang-undang kecil 4 (2) (b);

"doktor veterinar" ertinya doktor veterinar sebagaimana yang ditakrifkan dalam Seksyen 2 Akta Doktor Veterinar, 1974 [Akta 147];

"pemunya" berhubungan dengan anjing ertinya orang yang memiliki, menjaga atau mengawal anjing itu tetapi jika sekiranya terdapat apa-apa keraguan tentang pemunyaan seekor anjing, pemunya atau penduduk premis yang sering didatangi oleh anjing itu atau seseorang yang biasanya memberi makan anjing itu hendaklah disifatkan sebagai pemunyanya sehingga dibuktikan sebaliknya oleh pemunya, penduduk atau orang itu;

"Yang Dipertua" ertinya Yang Dipertua Majlis Daerah Kemaman dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

Undang-undang Kecil 3. Kehendak pelesenan.

- (1) Tiada seseorang pun boleh memiliki, menyimpan, melindungi atau menyenggara seekor anjing yang telah mencapai umur tiga bulan melainkan ia telah dilesenkan di bawah undang-undang kecil ini.
- (2) Sesuatu lesen itu, jika tidak bergantung atau dibatalkan terlebih dahulu hendaklah habis tempoh pada 31 haribulan Disember pada tahun lesen itu dikeluarkan dan bolehlah diperbaharui pada atau sebelum tarikh tamat tempoh lesen itu.

Undang-undang Kecil 4. Anjing-anjing bahaya dilarang.

Tiada sesiapa jua boleh memiliki, menyimpan atau menyenggara seseekor anjing dari jenis bulterrer atau rockwelter, atau mana-mana jenis lain yang diisyiharkan sebagai bahaya oleh pihak berkuasa berkenaan.

Undang-undang Kecil 5. Prosedur pelesenan.

- (1) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan suatu lesen hendaklah dibuat kepada Majlis dalam borang sebagaimana yang diperuntukan oleh Yang Dipertua dan hendaklah disertakan dengan fee untuk lesen sebanyak sepuluh ringgit.
- (2) Selepas menerima suatu permohonan dan fee untuk lesen itu, pegawai pelesenan hendaklah-
 - (a) mendaftar anjing yang berkenaan dengan menyebabkan suatu catatan dibuat dalam daftar mengenai perihal anjing, nama serta alamat pemunyanya;
 - (b) mengeluarkan kepada pemunya anjing itu suatu lesen dalam bentuk lencana logam yang sesuai yang mempunyai nombor siri yang sama dengan nombor pendaftar anjing itu; dan
 - (c) mengeluarkan kepada pemunya anjing itu suatu resit bagi fee yang dibayar, mengandungi perihal anjing dan mempunyai tandatangan pegawai pelesenan.

Undang-undang Kecil 6. Penukaran pemunyaan anjing yang berlesen.

Jika terdapat pertukaran pemunyaan seekor anjing yang berlesen, pemunya yang baru hendaklah, dalam tempoh sebulan dari itu, memberitahu pegawai pelesenan mengenai pertukaran itu, dan pegawai pelesenan hendaklah mendaftar nama serta alamat pemunya baru itu dengan percuma.

Undang-undang Kecil 7. Kehilangan lencana logam.

Tiada penggantian boleh dikeluarkan bagi lencana logam yang hilang, tetapi pemunya anjing berkenaan boleh mendapatkan suatu lesen baru atas permohonan dan pembayaran fee sebanyak sepuluh ringgit.

Undang-undang Kecil 8. Memakai kolar anjing dan lencana logam.

Pemunya anjing yang berlesen hendaklah mengadakan kolar anjing yang sesuai untuk dipakai oleh anjing itu, yang padanya lencana logam semasa itu hendaklah dipasang dengan kukuh mengikut apa-apa cara supaya boleh dilihat apabila kolar itu dipakai oleh anjing itu.

Undang-undang Kecil 9. Kewajipan pemunya.

Pemunya anjing hendaklah-

- (a) jika anjing itu berpenyakit, mengambil langkah seberapa segera yang boleh untuk membolehkan anjing itu diperiksa dan dirawat oleh seorang doktor veterinar dan tidak membiarkan anjing itu disimpan di premisnya melainkan jika anjing itu telah diperiksa di bawah rawatan seorang doktor veterinar
- (b) menyenggara rumah anjing di mana anjing itu ditempatkan dalam keadaan cuci dan bersih;
- (c) membuang dari premisnya apa-apa bahan najis daripada anjing itu dan berbuat demikian mengikut atau dengan apa-apa cara yang tidak mungkin akan menyebabkan kegunaan atau kesusahan kepada orang-orang lain;

- (d) mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa anjing itu tidak menjadi gangguan, disebabkan oleh salakan yang tidak berhenti-henti atau selainnya kepada jiran-jirannya;
- (e) mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa anjing itu tidak merayau di luar kawasan premis pemunya dan bahawa anjing itu berikat apabila dibawa keluar daripada premis pemunya;
- (f) mengambil langkah-langkah yang ketat untuk memastikan bahawa anjing-anjing tidak dibawa ke tempat-tempat awam seperti pasar, kawasan rekreasi, panggung wayang, stesen bas atau teksi dan lain-lain; dan
- (g) mengambil langkah-langkah yang ketat untuk memastikan bahawa anjing-anjing tidak dibawa di mana-mana tepian pantai, laut atau kolam-kolam renang untuk bermandi-manda dan di mana-mana tempat orang awam bermandi-manda.

Undang-undang Kecil 10. Pembinasaan.

- (1) Mana-mana anjing yang berumur lebih daripada tiga bulan dijumpai lepas bebas atau dijumpai di tempat awam dengan tidak memakai lencana logam dan mana-mana anjing yang berpenyakit yang bukan di bawah rawatan doktor veterinar boleh dibinasakan oleh mana-mana orang yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh Majlis dan mana-mana orang yang diberi kuasa sedemikian boleh pada bila-bila masa memasuki mana-mana tanah atau premis, selain daripada rumah tempat tinggal, bagi maksud mencari, mendapatkan, merampas, atau membinasakan anjing itu.
- (2) Mana-mana anjing, sama ada berlesen atau tidak, yang pemunyanya tidak ditemui , boleh dibinasakan atau selainnya dilupuskan sebagaimana yang diarahkan oleh Yang Dipertua atau mana-mana orang yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh Yang Dipertua.
- (3) Mana-mana anjing sama ada berlesen atau tidak yang dijumpai berkeliaran di luar premis pemunya atau tempat awam boleh ditangkap/dibinasakan atau selainnya sebagaimana yang diarahkan oleh Yang Dipertua atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua.

Undang-undang Kecil 11. Bilangan anjing yang dibenarkan.

- (1) Pemunya harta yang mempunyai kawasan 920 meter persegi atau kurang tidak boleh menyimpan lebih daripada dua ekor anjing di atas hartanya, dan jika kawasan itu lebih daripada 920 meter persegi, dia tidak boleh menyimpan lebih daripada empat ekor anjing melainkan jika selainnya diluluskan oleh Majlis dalam mana-mana kes tertentu.
- (2) Tiada anjing boleh disimpan lebih tinggi daripada tingkat bawah mana-mana bangunan.

Undang-undang Kecil 12. Pelesenan tempat di mana anjing disimpan bagi maksud perdagangan.

- (1) Tiada seorang pun boleh menggunakan mana-mana bangunan, premis atau pegangan untuk menyimpan anjing bagi pembiakan bagi maksud perdagangan atau sebagai rumah anjing veterinar atau klinik melainkan jika dilesenkan oleh Majlis bagi maksud itu.
- (2) Suatu permohonan untuk mendapatkan lesen hendaklah dibuat dalam borang sebagaimana yang diperuntukkan oleh Majlis dan hendaklah disertakan dengan fee untuk lesen sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

Undang-undang Kecil 13. Penalti.

Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan, dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau dihukum penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Diperbuat oleh Majlis Daerah Kemaman dalam mesyuaratnya pada 30 haribulan Oktober, 1994.
[MDK. 1202 SJ. 18.]